

Bimbang hakisan semakin besar

Jarak rumah, sungai hanya dipisahkan beberapa inci

NORAFIZA JAAFAR

GOMBAK - Hakisan sungai di Batu 8, di sini semakin serius dan membimbangkan penduduk terutamanya mereka yang tinggal di pinggirnya.

Seorang penduduk, Sharifah Jakun, 85, berkata, jarak rumahnya dengan sungai hanya dipisahkan beberapa inci dan tandas rumahnya hanya menanti masa untuk dihanyutkan.

Menurutnya, permasalahan itu bukannya baru berlaku malah semakin membimbangkan apabila tiada tindakan diambil sebagai pencegahan menyebabkan keluasan sungai semakin besar daripada asal.

"Masalah rumah penduduk ditenggelami air memang sudah lama berlaku namun semakin membimbangkan kami selepas sungai menjadi semakin luas dan terlalu hampir dengan rumah penduduk," katanya kepada *Sinar Harian*.

Selain itu Sharifah berkata, setiap kali hujan, dia yang tinggal bersama anak dan cucunya perlu mengangkat perabot dan barang rumah ke kawasan tinggi untuk mengelakkan rosak ditenggelami air.

"Keadaan rumah yang kerap ditenggelami air dan banjir membuatkan banyak ternakan dan tanaman mati sehingga saya tidak berhasrat menjalankan aktiviti itu lagi," katanya.

Menurutnya, beberapa pihak ada turun padang meninjau sungai itu, namun tiada sebarang tindakan dilakukan menyebabkan dia mengambil inisiatif sendiri mengubah suai rumah dengan meninggikannya dan memasang paip untuk mengurangkan air memasuki rumah.

Seorang lagi penduduk, Salmah Abdul Rashid, 56, berkata, aliran sungai



Rumah penduduk hanya menunggu masa untuk dihanyutkan jika tiada usaha pemasangan pengadang dilakukan. Gambar kecil: Sharifah.

yang deras dari puncak bukit membimbangkannya terutamanya selepas aliran sungai berhampiran kawasan rumahnya kini terbelah dua.

"Jika tiada penampungan atau usaha menutup aliran sungai baru itu, saya bimbang lebih banyak rumah lagi yang akan menjadi mangsa banjir.

"Aduan dibuat kepada wakil kampung tetapi tiada sebarang tindakan. Kami memohon supaya sangkar batu atau pengadang dipasang secara keseluruhan dan mana-mana kawasan yang telah dipasang, dipantau kerana banyak yang rosak," katanya.

Azizah Shari, 32, berkata, banjir atau masalah air naik berlaku apabila empangan di Batu 10 dan Batu 12 dibuka.

"Air sungai menjadi deras dan masalah tanah rendah serta tiada pengadang menyebabkan melimpah keluar apabila tiba di Batu 8.

"Dulu ada dipasang batu sangkar

namun banyak yang sudah rosak selepas aliran deras sungai dan tiada kerja pembaikan dilakukan," katanya.

Menurutnya, dia yakin jika batu sangkar di pasang di sepanjang sungai, ia mampu mengurangkan hakisan dan risiko rumah penduduk dihanyutkan juga dapat diselesaikan.

Sementara itu, Jurutera Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Gombak, Ir Mohd Fuad ketika dihubungi berkata, setahun lalu pihaknya memasang perangkap sangkar di beberapa bahagian kritikal namun tidak secara keseluruhan.

"Projek tersebut dijangka diteruskan pada tahun ini dan akan meneliti tahap kritikal kawasan itu serta akan menyediakan peruntukan pemasangan pengadang sungai.

"Aduan penduduk akan diteliti dan dalam proses pemantauan serta mengarahkan bahagian teknikal menjalankan pemeriksaan," katanya.